

Sekolah berkembar Malaysia, China belum dapat dilaksanakan

UM - 29/5/2007

KUALA LUMPUR 28 Mei - Cadangan mewujudkan program sekolah berkembar antara sekolah-sekolah di Malaysia dan China tidak akan dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini kerana kedua-dua negara memerlukan masa yang lama untuk membina kepercayaan dan keikhlasan antara satu sama lain dalam perkara itu, kata Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau meramalkan bahawa perkara itu hanya akan menjadi kenyataan selepas tahun 2020.

"Pada masa ini saya belum memikirkan tentang program berkembar tersebut.

"Kita telah mewujudkan hubungan dengan China dan kita sedang melihat bagaimana untuk membina kepercayaan dan keikhlasan dengan mereka terlebih dahulu. Itu akan mengambil masa yang lama untuk dibina," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) Ketiga di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas cadangan program sekolah berkembar yang telah beliau cadangkan kepada rakan sejawatannya dari China semasa lawatan beliau ke negara itu baru-baru ini.

Hishammuddin menambah bahawa pada masa ini hubungan itu akan melibatkan sekolah-sekolah cemerlang, sukan, muzik, bahasa dan sekolah pendidikan khas.

"Kita mesti berusaha membuktikan bahawa sekolah-sekolah sukan kita adalah sama baik dengan sekolah-sekolah sukan di China dan lain-lain lagi.

"Sehingga perkara itu dapat dilakukan, kita tidak boleh berfikir lebih jauh daripada itu," katanya.

Beliau menambah bahawa timbalannya Datuk Noh Omar akan mengetuai satu lagi delegasi ke China yang dianggotai pakar bidang sukan, muzik, kebudayaan dan pendidikan khas untuk membincangkan perkara itu dengan lebih lanjut.

- Bernama